



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Berita Harian - Lawatan PM Ke India Jana Ekonomi](#)

Berita Harian - Lawatan PM Ke India Jana Ekonomi

Rabu, Apr 05 2017



Lawatan PM ke India jana ekonomi

BH 5/4

Lawatan rasmi Datuk Seri Najib Razak ke India selama enam hari mulai 30 Mac hingga semalam memberi banyak manfaat kepada kedua-dua pihak.

Bagi tempoh Januari hingga November 2016, eksport Malaysia ke India mencatat RM710.38 bilion. Import pula RM631.83 bilion dan lebihan dagangan adalah RM78.55 bilion. Pelaburan terkumpul Malaysia semasa di India bernilai AS\$6 bilion (RM26.5 bilion), manakala pelaburan India di Malaysia mencapai AS\$2.5 bilion (RM11.06 bilion).

Pelaburan Malaysia di India kini kira-kira AS\$2.31 bilion (RM10.2 bilion) dan membabitkan tenaga bukan konvensional, pembinaan, industri metalurgi, perkhidmatan, tenaga dan telekomunikasi. Secara keseluruhan, mulai 1996 hingga 2016, syarikat Malaysia, termasuk UEM, IJM, SCOMI Group menyiapkan 98 projek bernilai AS\$4.64 bilion (RM16.06 bilion) dengan 14 projek bernilai AS\$1.61 bilion (RM6.6 bilion) yang dalam tahap persiapan.

Barangan utama eksport Malaysia ke India ialah minyak sawit dan produk berasaskan sawit (25.8 peratus), barangan elektrik dan elektronik (16.8 peratus),

petroleum mentah (16.1 peratus), kimia dan barangan kimia (9.7 peratus) dan barangan perkilangan logam (9.5 peratus) sementara produk diimport dari India adalah produk tani (28 peratus), perkilangan logam (27 peratus), barangan petroleum (24 peratus), kimia dan barangan kimia (14 peratus), manakala alat elektrik dan elektronik (tujuh peratus).

Ekonomi, keselamatan

Antara program lawatan kali ini menyaksikan Najib hadir dalam mesyuarat dan perbincangan dengan Perdana Menteri India, Narendra Modi, membabitkan ekonomi dan keselamatan kepentingan bersama, perbincangan dengan Ketua Menteri Tamil Nadu dan Rajasthan, malah dengan peneraju korporat, pelabur dan tokoh utama komuniti perdagangan, perniagaan dan perindustrian India mengenai peluang pelaburan ekonomi dan pendidikan. Selain itu, Najib hadir mesyuarat perniagaan anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian India-Malaysia (MAICCI) dan berjumpa pelajar dan rakyat Malaysia di Chennai (Tamil Nadu). Najib juga melawat Rajinikanth, superstar filem Tamil di Chennai.

Lawatan kali ini dilaporkan

menghasilkan enam memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian antara kerajaan (G2G) membabitkan kerjasama dalam bidang sukan, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOP) dengan Institut Teknologi Kimia (ICT), Mumbai, Pembangunan Sumber Manusia Bhd dengan Institut Pembangunan Keusahawanan India (EDII), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dengan Persatuan Universiti-Universiti India (AIU) mengenai pengiktirafan bersama kelayakan pendidikan, Lembaga Kemajuan Ekonomi, Andhra Pradesh dengan MIGHT Technology Nurturing Malaysia, pembinaan kilang amonia dan urea di Malaysia dan perjanjian perkhidmatan udara dua hala.

Enam perjanjian antara CIDB dan syarikat India membabitkan pembinaan kereta api, rawatan air, terowong dan pengangkutan bandar. Keseluruhan perjanjian ditanda tangani dianggarkan RM30 bilion.

MoU bernilai RM158.4 bilion juga dimeterai antara syarikat Malaysia dan India membabitkan pembinaan bandar maritim di Pulau Carey dan Projek Pelabuhan Pulau Carey.

Sementara itu, Rajasthan pula menawarkan syarikat Malaysia mela-

bur dalam sektor pembinaan jalan 5,000 kilometer (km) dan lebuh raya sepanjang 1,000km, empat bandar pintar, perumahan mampu milik, perlombongan dan pengangkutan di Rajasthan.

Kuasa beli tinggi

India antara pengimport minyak sawit terbesar negara. Selain itu, India dengan penduduknya mencecah 1.3 bilion, memiliki kuasa beli lebih tinggi, maka lawatan ini digunakan untuk mempromosi Malaysia sebagai destinasi pelancongan, pendidikan dan pelancangan perubatan, selain memperkasa ekonomi negara, sekali gus menguntungkan rakyat.

Majalah *Economic Times India* melaporkan hampir dua juta atau tujuh peratus penduduk Malaysia daripada kaum keturunan India, sebahagiannya masih ada hubungan 'kekeluargaan' dengan India.

The Hindustan Times pula melaporkan Najib berasa bangga dan memperakui sumbangan besar kaum India terhadap pembangunan Malaysia.

Jadi, tidak keterlaluan sekiranya menyimpulkan lawatan Najib ke India kali ini akan menggembirakan dan melenturkan hati komuniti India memihak kepimpinan beliau.

Komentar



Datuk M Periasamy

Pensyarah Komunikasi Strategik, Institut Penerangan dan Penyiaran Tun Abdul Razak

Pekeliling Perbendaharaan



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **22 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**